

Headline	Polisi U for Life dapat sambutan		
MediaTitle	Berita Harian	Language	Malay
Date	24 Sep 2015	Readership	947,000
Circulation	125,514	Page No	B1,B5
Section	Ekonomi	Journalist	Suffian A Bakar
ArticleSize	411 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 42,339		



# Polisi U for Life dapat sambutan

» Catat jumlah diinsuranskan lebih RM165j dalam tempoh empat bulan

Oleh Suffian A Bakar  
suffian@bh.com.my

**U**for Life Sdn Bhd, perintis platform insurans dalam talian Malaysia mendapat sambutan membangangkan apabila mencatat jumlah diinsuranskan lebih RM165 juta dalam tempoh empat bulan sejak ia dilancarkan Mei lalu.

Pengurus Besarnya, Iskandar Erzahuddin, berkata maklum balas membangangkan itu meyakinkan pihaknya untuk membuat pelaburan tambahan sehingga RM5 juta untuk tempoh 12 bulan akan

datang.

Beliau berkata, pelaburan tambahan itu bertujuan mewujudkan lebih kesedaran dikalangan rakyat tempatan akan pentingnya memiliki perlindungan insurans hayat selain menggalakkan lebih ramai membeli polisi insurans hayat.

“Menerusi kerjasama strategik dengan Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd, produk mampu milik ini akan menggalakkan lebih ramai rakyat tempatan dilindungi dengan secukup-

nya.

“U for Life direka bagi menjadikan proses memiliki polisi insurans hayat mudah, segera dan pada harga mampu,” katanya pada majlis pelancaran produk itu di Kuala Lumpur, semalam.

Yang hadir sama, Ahli Lembaga Hannover Re, Claude Chevre dan Ketua Pegawai Eksekutif Tokio Marine Life Insurance Malaysia, Toi See Jong.

Iskandar berkata, dengan U for Life terus mengukuhkan tawarannya, pihak-

nya berharap membantu kerajaan mencapai sasaran kadar kemasukan insurans 75 peratus daripada rakyat negara ini menjelang 2020.

Beliau berkata, rakyat tempatan kini boleh memiliki perlindungan insurans hayat dalam tempoh 10 minit dengan menjawab beberapa soalan mudah menerusi platform U for Life.

## Bayaran bulanan RM9.85

“Polisi U for Life mampu dimiliki dengan bayaran bulanan serendah RM9.85

Headline	Polisi U for Life dapat sambutan		
MediaTitle	Berita Harian	Language	Malay
Date	24 Sep 2015	Readership	947,000
Circulation	125,514	Page No	B1,B5
Section	Ekonomi	Journalist	Suffian A Bakar
ArticleSize	411 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 42,339		

bagi perlindungan sehingga RM100,000,” katanya sambil menambah ia hanya menawarkan produk perlindungan asas iaitu membabitkan kematian dan kehilangan upaya kekal.

Ciri interaktif platform U for Life, seperti ruang sembang memudahkan syarikat itu menyalurkan bantuan kepada pelanggan.

Sementara itu, Ahli Lembaga Hannover Re, Claude Chevre, berkata tabiat membeli dikalangan pengguna sudah berubah dengan mana teknologi kini diguna-

kan secara meluas.

“Hakikat U for Life melepas RM165 juta dalam jumlah yang diinsuranskan dalam tempoh yang singkat menunjukkan rakyat Malaysia bersedia dan menerima platform itu,” katanya.

Kajian Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) mendapati ramai rakyat negara ini tidak dilindungi dengan sewajarnya berbanding negara jiran seperti Singapura, Hong Kong, Korea Selatan dan Jepun.

Hari ini, insurans hayat dan takaful keluarga hanya memberi perlindungan

kepada 55.5 peratus daripada jumlah penduduk negara ini.

Jurang itu membuatkan Hannover Re dan Tokio Marine Life Insurance Malaysia terpanggil untuk bekerjasama dalam menawarkan platform insurans hayat dalam talian pertama di bawah U for Life.


Hanover Re adalah syarikat reinsurans ketiga terbesar dunia yang menguasai 60 peratus kepentingan dalam U for Life, manakala baki dikuasai Intelligent Life, pembangun perisian untuk industri insurans berpang-

kalan di New Zealand.

Tokio Marine Life Insurance Malaysia dipilih sebagai penanggung perlindungan.

**“Produk mampu milik ini akan menggalakkan lebih ramai rakyat tempatan dilindungi dengan secukupnya”**

**Iskandar Erzahuddin,**  
Pengurus Besar  
U for Life Sdn Bhd



Iskandar (tiga dari kanan) bersama See Jong (dua dari kiri) dan Chevre (dua dari kanan) pada majlis pelancaran U for Life di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO SALHANI IBRAHIM/BH]